

**PEJABAT BENDAHARI
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

UTHM.PB/100-6/4/1Jld 2 (12)

25 Mac 2014

SURAT PEKELILING BENDAHARI BIL. 4/2014

Semua Pengurus Bahagian
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

Y.Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan

TATACARA PEROLEHAN BEKALAN DAN PENGHANTARAN BUKU CETAKAN DAN TERBITAN LUAR NEGARA DI UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Tujuan pekeliling ini adalah untuk menjelaskan kepada semua Pengurus Bahagian mengenai Tatacara Perolehan Bekalan Dan Penghantaran Buku Cetakan Dan Terbitan Luar Negara Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Kementerian Kewangan Malaysia melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 3/2010 telah mengeluarkan garis panduan yang jelas berkenaan perolehan bekalan dan penghantaran buku cetakan dan terbitan luar negara.
- 2.3 Sehubungan dengan itu, mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil. 4/2013 yang telah bersidang pada 31 Disember 2013 telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Rundingan Harga Bagi Perolehan Rundingan Terus Yang Telah Diluluskan Di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

3.0 KAE DAH PEROLEHAN

- 3.1 Perolehan bagi bekalan dan penghantaran buku terbitan dan cetakan luar negara boleh dibuat secara pembelian terus dengan mana-mana syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang 010101 (Bahan Bacaan Terbitan Luar Negara) dan 010103 (Penerbitan Elektronik Atas Talian).
- 3.2 Pihak Perpustakaan atau mana-mana Pusat Tanggungjawab yang diberi kuasa hendaklah membuat kajian pasaran terlebih dahulu mengenai judul/tajuk, bidang dan penerbitan supaya harga tawaran adalah berpatutan dan menguntungkan Kerajaan/Universiti sebelum pembelian dibuat dan memastikan perolehan tidak tertumpu kepada syarikat/pembekal tertentu selaras dengan prinsip-prinsip perolehan.
- 3.3 Jawatankuasa Pemilihan Syarikat hendaklah ditubuhkan dengan korum mesyuarat adalah tiga (3) orang ahli termasuk pengurus dan keahliannya hendaklah dilantik oleh Naib Canselor adalah seperti berikut:-
- | | |
|----------------|--|
| (a) Pengurus | - Bendahari |
| (b) Ahli | - Timbalan Bendahari Kanan
<i>(Pengurus Ganti semasa ketidakhadiran Pengurus)</i> |
| (c) Ahli | - Ketua Pustakawan |
| (d) Ahli | - Ketua Penerbit |
| (e) Ahli | - Wakil Fakulti |
| (f) Setiausaha | - Pustakawan |
- 3.4 Jawatankuasa Pemilihan Syarikat yang dilantik ini bertanggungjawab menganalisa dan membuat rundingan ke atas tawaran syarikat berdasarkan kadar diskaun ke paras terendah dan menguntungkan

Universiti untuk diperakukan dan diluluskan kepada kuasa melulus seperti berikut:-

BIL.	HAD NILAI PEROLEHAN (Bagi Setiap Pembelian)	KUASA MELULUS
i.	Sehingga RM200 ribu	Naib Canselor
ii.	Melebihi RM200 ribu hingga RM500 ribu	Jawatankuasa Sebutharga Universiti (JKSU) "A"
iii.	Melebihi RM500 ribu hingga RM20 juta	Lembaga Perolehan "B"
iv.	Melebihi RM20 juta hingga RM50 juta	Lembaga Perolehan "A"
v.	Melebihi RM50 juta	Kementerian Kewangan Malaysia

- 3.5 Walaubagaimanapun, pihak Perpustakaan dibenarkan membuat pembelian terus secara atas talian (on-line) dengan penerbit buku luar negara bagi perolehan samada secara eBook (muat turun) atau pesanan secara atas talian dengan mana-mana syarikat bagi mendapatkan *hardcopy* dengan nilai tidak melebihi RM500,000.00 bagi setiap pembelian. Pembelian secara atas talian termasuk pemilihan judul buku dan penebit hendaklah mematuhi peraturan di perenggan 3.2 dan diperakukan oleh Jawatankuasa Pemilihan Syarikat untuk kelulusan

kuasa melulus berdasarkan had nilai perolehan yang telah ditetapkan di perenggan 3.3 dan 3.4.

- 3.6 Harga yang ditawarkan oleh syarikat adalah harga bersih (termasuk kos pembungkusan dan penghantaran) dan hendaklah dalam Ringgit Malaysia (kecuali pembelian atas talian).

4.0 KUATKUASA PEKELILING


Pekeliling ini berkuatkuasa pada tarikh ianya dikeluarkan.

Kerjasama daripada pihak Y. Bhg. Dato'/Prof/Tuan/Puan adalah diharapkan agar dapat memanjangkan perkara ini kepada staf di bahagian masing-masing.

Sekian, terima kasih.

'DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA'

Yang benar,



HJ. MISRO BIN JERUT

Bendahari

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

- s.k - Y.Bhg. Dato' Naib Canselor
- Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
- Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
- Y.Bhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
- Ketua Unit Audit Dalam